

## 110 Kakitangan Hadiri Bengkel Jawatankuasa Penyiasatan Kehilangan Aset Alih UMS

Terakhir dikemaskini: Khamis, 27 Jun 2019 16:58 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 252

[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)

Tweet

Share



**KHAMIS, 27 JUN** – Seramai 110 kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS)dari pelbagai gred jawatan telah menghadiri Bengkel Jawatankuasa Penyiasatan Kehilangan Aset Alih UMS baru-baru ini.

Bengkel yang berlangsung selama dua hari di Galeri Majlis, UMS itu dianjurkan oleh Sektor Pengurusan Harta dan Risiko, Jabatan Bendahari dengan kerjasama Unit Latihan, Jabatan Pendaftaran

Bengkel itu dikendalikan oleh pegawai dari Unit Dasar Pengurusan Aset, Bahagian Pengurusan Aset Awam, Kementerian Kewangan Malaysia, Saifol Anuar Ibrahim yang berpengalaman luas mengendalikan kursus berkaitan kepada agensi persekutuan dan badan berkanun seluruh negara.

Sementara itu, Timbalan Bendahari Kanan, Mohamad Edrus Othman yang mewakili Bendahari UMS, Zallifah Shadan menyempurnakan acara penutupan bengkel tersebut berkata, beliau berharap agar para peserta bengkel dapat menggunakan ilmu dan kemahiran tambahan yang diperoleh daripada bengkel ini dengan sebaiknya.

“Kita juga berharap agar kerjasama erat antara UMS dan Bahagian Pengurusan Aset Awam Kementerian Kewangan akan berterusan khususnya dalam program-program pemindahan ilmu seperti ini,” ujar beliau.